

TEORI NEGARA ISLAM

1.0. Pengenalan

Bentuk pemerintahan negara-negara di dunia hari ini seolah-olah telah terbahagi kepada beberapa bahagian. Ada negara-negara yang disebut sebagai Demokrasi Barat, Komunis dan Sosialis. Pembahagian sedemikian adalah disebabkan oleh sistem, dasar dan ideologi negara-negara berkenaan. Namun di dalam pembahagian tersebut tidak ada satupun negara yang disebut sebagai Negara Islam walaupun ia pernah ditegakkan beberapa belas abad yang lalu.

Di dalam perbincangan bab ini penulis akan menerangkan teori umum sebuah negara yang disebut sebagai Negara Islam.

Sebelum menerangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai teori Negara Islam, penulis terlebih dahulu menyentuh tentang kuasa dan negara secara umum.

1.1. Kuasa

Dari sudut terminologinya kuasa bererti hak atau kewibawaan atas sesuatu untuk melakukan sesuatu.(1) Ia

adalah satu faktor yang penting dalam arena politik , sama ada politik setempat maupun politik antarabangsa. Maksud kuasa boleh dikembangkan dengan menyatakan bahawa ia adalah pengetahuan,hak mutlak seseorang berhubung dengan kuasa pemerintahan,kavalan dan keupayaan seseorang yang berpunca dari hak dan kedudukan untuk mengawal tabiat dan kelakuan masyarakat secara langsung atau tidak langsung.(2) Kuasa wujud setelah masyarakat merasakan mereka harus memberikan sepenuh kepercayaan dan hak kepada orang yang bakal memimpin.(3)

Menurut kepimpinan Negara Islam,kuasa terbahagi kepada dua posisi iaitu posisi pertama; Allah dan Rasul sebagai penguasa tertinggi perundangan.(4) Posisi ini menyatakan tentang beberapa sifat kekuasaan Allah bagi alam semesta. Kuasa Allah sebagai Rabb, Pencipta alam semesta, Pemilik dan Pengurusnya serta hak Kehakiman yang tertinggi (al-Hakimiyyah) hanya pada-Nya.

Banyak ayat-ayat al-Quran yang menyatakan tentang sifat-sifat Allah tersebut. Antara lain ialah:

"Dan Allah-lah yang menciptakan langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Tidak ada bagi kamu selain daripada-Nya seorang penolongpun dan tidak (pula)

seorang pemberi syafaat. Maka apakah kamu tidak memperhatikan."(6)

"Dan kepunyaan-Nya lah siapa sahaja yang ada di langit dan bumi. Semuanya tunduk hanya kepada-Nya."(7)

"Mereka berkata: Apakah ada bagi kita sesuatu hak (campurtangan) dalam urusan ini? Katakanlah: Sesungguhnya urusan itu seluruhnya di tangan Allah."(8)

"Tidakkah kamu mengetahui bahawa kerajaan langit dan bumi adalah kepunyaan Allah? Dan tiada bagimu seorang pelindung, mahu pun seorang penolong selain Allah."(9)

"Menetapkan hukum itu hanyalah bagi Allah."(10)

Fungsi ar-Rasul pula adalah sebagai penyampai hukum Allah dan Syariat-Nya kepada manusia umum, juga sebagai penafsir dan penghurai perintah-perintah Allah. Seluruh manusia umum wajib mentaatinya sama seperti mentaati Allah.(11)

Diantara keterangan-keterangan yang dapat membuktikan kedudukan al-Rasul ini ialah:

"Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya."(12)

"Dan Kami tidak mengutuskan seorang Rasul melainkan untuk diteati dengan izin Allah."(13)

Posisi kedua pula menyatakan tentang kedudukan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Kedudukan mereka hanya sebagai wakil Hakim yang sebenar.(14)

Allah Azza Wajalla berfirman:

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat; Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi ini."(15)

"Kemudian Kami jadikan kamu pengganti-pengganti (mereka) di muka bumi sesudah mereka, supaya Kami memperhatikan bagaimana kamu berbuat."(16)

1.2. Negara

Negara adalah satu asas politik yang tidak dapat dipisahkan dengan kekuasaan. Dalam mendefinisikan 'negara' atau 'state', terdapat banyak definisi yang berbeza-beza.

Dalam sains politik istilah 'negara' bermaksud sekumpulan manusia yang menduduki sebuah wilayah yang

tetap dibawah penyelenggaraan kerajaan, yang tidak bertakluk kepada kuasa luar.(17) Mereka merupakan kerajaan dan rakyat, yang memerintah dan diperintah. Peraturan dan undang-ungang ditetapkan dan dipelihara, kewajiban-kewajiban dilaksanakan dan kewajiban-kewajiban itu diiktiraf oleh kedua-dua ahli kumpulan dan juga negara luar.(18) Hubungan di antara individu dengan negara berbentuk hubungan undang-undang politik yang mana masing-masing menunaikan hak-hak yang sepatutnya.(19)

Menurut George Sabine perkataan 'state' diberikan makna yang luas iaitu satu badan politik yang diperkenalkan oleh Machiavelli (20) pada awal kurun ke-19. Menurut teori Marxist pula negara ialah gabungan masyarakat di bawah bimbingan dua atau lebih kelas yang merangkumi perhubungan masyarakat, keadaan ekonomi dan masyarakat sosial.(21)

Untuk menjadikan sesebuah negara itu wujud, ia perlu kepada tiga unsur iaitu warganegara, daerah dan kuasa yang memerintah.(22)

1.3. Negara Islam

Sebagai ad-Deen yang syumul Islam menganggap negara adalah penting. Islam bukan sekedar kepercayaan agama sahaja tetapi juga peraturan politik.(23)

Al-Imam al-Syahid Hassan al-Banna di dalam muqaddimah Usul Dua Puluhnya menyatakan; Islam itu menyeluruh, mencakup semua bidang hidup; Islam adalah negara dan watan atau pemerintahan dan umat. Akhlak dan kekuatan atau rahmat dan keadilan. Pengetahuan dan undang-undang atau ilmu dan kehakiman. Kebendaan dan harta atau usaha dan kekayaan. Jihad dan dakwah atau tentara dan fikrah. Akidah yang benar dan ibadat yang sah. (24)

Negara Islam ialah negara yang terdapat umat Islam atau ahli zimmah yang tunduk dengan kekuasaan Islam.(25) Negara Islam adalah negara fikrah (ideological state). Ia juga adalah negara Ilahi atau ketuhanan.(26)

Ramai yang berpandangan bahawa al-Quran tidak pernah menyebut secara terang-terangan tentang sesuatu bentuk pemerintahan negara Islam, sama ada berbentuk pemerintahan beraja, republik,demokrasi atau

sebagainya. Malah al-Quran juga tidak menyebut tentang cara-cara untuk menegakkan kerajaan tersebut serta alat-alat pentadbiran bagi para hakim di makkah, pemimpin tentera, penjaga keamanan, pemungut harta dan sebagainya.(27)

Walaupun demikian al-Quran dan as-Sunnah banyak menerang beberapa prinsip utama yang berkenaan dengan pemerintahan bernegara terutama sekali prinsip adil dan syura.(28)

Allah Taala berfirman;

"Sesungguhnya Allah telah menyuruh kamu menunaikan amanah kepada ahlinya, "dan menghukum di antara orang ramai dengan adil ketika kamu menjalankan hukuman."(29)

"Wahai Daud sesungguhnya Kami telah jadikan kamu khalifah di atas muka bumi, maka hukumlah di antara manusia dengan hak dan janganlah kamu mengikut hawa nafsu nescaya akan sesat dari jalan Allah."(30)

"Dan bermesyuaratlah di dalam sesuatu perkara." (31)

Di dalam sebuah kisah ketika nabi s.a.w. menerima pendapat terbanyak, iaitu keluar bertahan di luar kota Madinah ketika perang Uhud. Ini adalah bukti bahawa baginda menerima pendapat ramai (sebagai syura).(32)

Bebenarnya apa yang tersirat di dalam pernyataan-pernyataan adil dan syura di dalam ayat-ayat tadi adalah negara Islam, iaitu negara yang berprinsipkan keadilan dan demasyuaratan.(33)

Walau bagaimanapun bukti yang paling jelas tentang kewujudan sebuah Negara Islam telah dari sunnah Rasulullah s.a.w. Baginda telah membangunkan satu sistem politik di Madinah. Sistem tersebut telah diiktiraf sebagai sistem Negara Islam di Madinah kerana telah wujud rukun-rukun asas sebuah negara iaitu terdapatnya warganegara, daerah dan pemerintahan.(34) Keistimewaan negara tersebut ialah ideologinya sebagai ideologi Islam. Oleh kerana itu negara tersebut dikenali sebagai Negara Islam.

Dari sirah para sahabat juga dapat dilihat bahawa mereka telah berjuang dan berusaha mempertahankan kedudukan Negara Islam. Kita juga perasai bahawa selepas kejatuhan Kerajaan Islam Uthmaniah seluruh pejuang-pejuang Islam berjuang dan berusaha kembali untuk mendirikan negara Islam yang telah hilang itu.(35)

Ramai sarjana-sarjana Barat turut mengakui bahawa negara yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. adalah

Negara Islam.(36) Apakah lagi seseorang-seseorang Islam yang memang majoritinya berkeyakinan dalam hal yang demikian.

Antara seseorang-seseorang Harap yang mengiktiraf Negara Islam itu ialah C.A.Nolinno dari Italy. Beliau berkata; "Sebenarnya Nabi Muhammed s.a.w. telah mengasaskan agama dan negara sekaligus. Ianya berjalan di sepanjang hayatnya."(37)

Mc Donald pula mengatakan; "Negara Islam yang pertama telah berdiri di Madinah, telah terdapat prinsip-prinsip asas bagi perundangan Islam."(38)

Syekh al-Islam Ibn Taimiyah telah menyatakan mengenai negara Islam di Madinah sebagai Negara Nubuwah. Bagi beliau Nabi s.a.w. tidak pernah mendirikan imamah. Negara yang ditegakkan itu cuma salah satu dari tugas kenabianya sahaja. Baginda ditaati bukan atas dasar imamah tetapi atas dasar kenabianya.(39) Baginda s.a.w. telah menghidupkan satu tata susila politik.

Walau bagaimanapun matlamat dari huraian tersebut, tata susila politik yang telah Nabi s.a.w. bangunkan itu adalah berbentuk negara - Negara Islam.

Menurut al-Maududi pula Negara Islam tidak dimiliki oleh mana-mana golongan. Ia dipimpin oleh keseluruhan masyarakat Islam berdasarkan kepada ketentuan Allah dan amalan Rasulullah s.a.w.

Beliau cuba membentuk satu istilah yang sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah Negara Islam, yang tidak sama dengan tahaman-tahaman teokrasi (40) dan 'Demokrasi Sosial' ataupun 'Demokrasi Marxist-Leninist'. Beliau meletakkan istilah Negara Islam sebagai 'Teo-Demokrasi' dengan maksud yang tersendiri. Ianya membawa erti integrasi yang sepadu antara Demokrasi Terpimpin dengan Teokrasi Ilahi. Di dalam demokrasi sedemikian muslim diberi kuasa majoriti di bawah sekatan-sekatan tertentu agar ia bertindak sebagai pengawas dan penegavas kepada undang-undang Ilahi.(41)

Unsur Demokrasi Terpimpin ini juga dapat dilihat melalui peluang-peluang yang dibuka kepada setiap muslim yang berkemampuan untuk menjadi pemimpin negara dan menerajui Negara Islam.

Negara Ketuhanan itu pula dilihat dari sudut Islam sebagai Negara Rabbani atau Ilahi.(42)

Kerajaan Islam pula ialah kerajaan yang ahli anggota

oleh pemimpin-pemimpin yang muslim, menunaikan keajiban-keajiban yang telah ditarduhkan oleh Islam, tidak melakukan maksiat secara terang-terangan serta melaksanakan hukum-hukum Islam dan ajaran-ajakannya.(43)

Satu lagi ciri kelebihan yang terdapat pada Negara Islam ialah rakyatnya yang tidak terbatas. Setiap umat Islam walaupun dimana sahaja mereka berada adalah secara otomatis menjadi rakyat bagi Negara Islam.(44)

1.4. Kepimpinan Negara Islam

Zaman Nubuwwah telah berakhir dengan kewafatan Rasulullah s.a.w. Orang-orang Islam gempar dengan kewafatan beginda itu. Kelompok-kelompok masyarakat Islam mula memilih calon-calon mereka untuk menjadi pengganti Rasulullah s.a.w. dalam urusan menjaga agama dan memimpin dunia. Golongan Anser cenderung supaya jawatan khalifah itu disandang oleh tokoh suku Khazraj iaitu Saad Ibn Ubadah. Golongan Bani Hasyim mencalonkan Saidina Ali Ibn Abi Talib, manakala para Muhaajirin pula mencalonkan Saidina Abu Bakar al-Jarrah untuk menjawat tugas itu.(45) Akhirnya majoriti umat Islam memberi

Bai'ah kepada Saidina Abu Bakar untuk menjadi Khalifah pertama umat Islam.

Khalifah adalah ketua Negara Islam di dalam menjaga hal-hal keagamaan dan dunia, sebagai ganti Rasulullah s.a.w.(46) ia juga disebut sebagai Imamah.(47)

Dari sudut terminologinya Khalifah bermaksud seseorang yang menggantikan seseorang yang lain.(48)

Allah berfirman:

"Dan kalau Kami kehendaki benar-benar Kami jadikan sebagai gantimu malaikat-malaikat yang turun temurun."(49)

Oleh itu 'Khalifat al-Rasul' bermaksud orang yang menggantikan Rasulullah didalam melaksanakan hukum-hukum Syariat dan menggantikan baginda dalam memimpin kaum muslimin dalam urusan agama dan dunia.(50)

Al-Navardi juga menyatakan perkara yang sama di dalam al-Ahkam al-Sulthanihnya.(51)

Manakala al-Baidhawi (52) pula mentakrifkan Khalifah sebagai seseorang yang menggantikan Rasulullah s.a.w. di dalam menegakkan undang-undang

Syariah dan memelihara kepentingan agama, yang mestilah diikuti oleh sekelian umat.(53)

Terdapat tiga gelaran yang lahir pada ketiga-tiga pemimpin Negara Islam yang awal iaitu Khalifah, Amirul Mukminin dan Imam. Jawatan Khalifah digelarkan kepada Sa'dina Abu Bakar, Amirul Mukminin kepada Sa'dina Umar dan Imam kepada Sa'dina Ali. Keenam gelaran tersebut adalah sama maksudnya iaitu ketua negara bagi Negara Islam walaupun kemunculan istilah-istilah tersebut berbeza dari sudut sejarah.(54)

1.5. Khalifah Adalah Wajib

Ibn Hazm al-Andalus mengatakan bahawa semua para Ahli Sunnah, Muzjih, Sylah dan Khawarij menyentujui tentang kewajiban umat melantik Imam.(55)

Ibn Taimiyah menyatakan bahawa kewajiban itu adalah salah satu perkara yang terpenting di dalam kewajiban-kewajiban dalam agama. Tanpanya agama tidak dapat dilaksanakan. Sesungguhnya kemiskinan manusia tidak akan sempurna sehingga mereka berkolektif dalam menunaikan keperluan-keperluan mereka. Walaupun

bagaimanapun itu juga tidak akan berjaya kecuali terdapat seorang ketua di antara mereka, sehingga nabi s.a.w. berkabda;

"Apabila tiga orang bersatu maka hengkalah melantik salah seorang menjadi ketua."

(Riwayat Abu Daud dari Hadis Ani Said dan Abi Muraikah)

Nabi s.a.w. telah mewajibkan usatnya melantik seorang ketua di dalam sesuatu perjalanan, sebagai penerangan bahawa pentingnya melakukan perkara yang sama di dalam lain-lain kehidupan bermasyarakat.

Allah juga telah mewajibkan hamba-hambanya melakukan Amar Makruf dan Nahui Mungkar, berjihad, melaksanakan keadilan, hasil dan menolong mereka yang dizalimi. Semuanya itu tidak akan sempurna amalannya tanpa adanya kekuatan dan kepemimpinan.(56)

Perlantikannya menjadi fardhu kifayah seperti mana jihad dan pemutusan hukum-hakam. Apabila terlantik orang yang berkelayakan maka ququrlah tuntutan fardhu kifayah itu, jika tidak maka seluruh umat Islam berdosa dan menjadi kewajiban ke atas mereka untuk melantik seseorang yang berkelayakan dari kalangan mereka. Kuasa itu adalah penting untuk menjaga agama dan mendidik

dunia.(57)

Syiah Imamiah turut mengetahui bahawa wajib melantik Imam. Cuma apa yang berbeza dengan majoriti pendapat ahli sunnah ialah mereka menganggap bahawa Imamah adalah salah satu dari rukun Islam.(58) Kewajiban itu tertanggung ke atas Allah dengan Lutfi-Nya, bukan tanggungjawab umat.(59) Allah bertanggungjawab menyuruh Nabi melantik Imamah dan kemudian Imam-Imam itu akan diteruskan sehingga yang kedua belas.(60)

Bagi Imam Ibn Taimiyah pula, walaupun Imamah itu wajib namun hanya sebagai satu alat untuk memelihara Islam. Baginya bentuk dan struktur pemerintahan tidak penting. Apa yang penting adalah perlaksanaan syariat sebagai tanggungjawab.(61)

Kewajiban melantik Khalifah ini berbandarkan kepada hujah-hujah syarak dan logik akal.(62)

Ia adalah satu sunnah Rasulullah s.a.w. Memang telah maklum bahawa Rasulullah s.a.w. adalah pelaksana perintah-perintah Allah. Setelah kematian baginda umat Islam amat berhajat dengan penerusan tugas tersebut. Oleh itu perlulah melantik seorang Khalifah sebagai mengetuai tugas tersebut.(63)

Para sahabat dan taht'en telah bersepakat (ijmak) untuk melantik khalifah. Ini jelas kelihatannya dalam sejarah apabila sekumpulan ramai para sahabat dari kalangan Bani Hasyim, Anbar dan Muawiyah yang telah berkumpul di Saqifah Bani Sa'ida untuk membincangkan perkara tersebut.(64) Saidina Abu Hakim telah menegaskan kepada orang ramai pada ketika itu dengan katanya;

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya Muhammad S.A.W. telah wafat. Justeru itu mestil ada orang yang menjaga agama ini."

Ijmak adalah salah satu dari sandaran hukum Islam dan kewajiban melantik Imam ini sahit melalui ijmak.

Qaedah Fiqh menyatakan;

"Apabila kesempurnaan sesuatu yang wajib itu bergantung kepada sesuatu yang tidak wajib maka perkara yang tidak wajib itu akan menjadi wajib."(65)

Melaksanakan hukum-hukum syariat dan syiar-syiar agama adalah suatu perintah yang wajib seperti prinsip syura yang menyeluruh, melaksanakan hukum hudud dan sebagainya. Ia tidak dapat dilaksanakan dengan menyeluruh dan sempurna kecuali adanya khalifah. Oleh

sebab itu mendirikan Khalifah menjadi wajib mengikut qaedah ini.(66)

Begitu juga dengan kaedah "berlawa maslahat" kerana melantik Khalifah akan membawa maslahat kepada umat. Kaedah "menghilangkan mudharat" juga boleh digunakan di dalam masalah ini kerana tanpa Khalifah kesudharatan akan melata.(67)

Terdapat pula ayat al-Quran yang menyatakan perlunya melantik pemerintah dari kalangan masyarakat Islam demi untuk ditentu. Allah perintahkan:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya) dan ulli amri di antara kamu."(68)

1.6. Syarat-syarat Khalifah

Para ulama' telah menyenaraikan syarat-syarat yang wajib ada bagi mereka yang akan dipilih menjadi Khalifah. Terdapat berbagai-bagai pendapat yang mereka kemukakan.

Al-Mawardi meletakkan syarat-syarat seperti berikut:(69)

- i- Adil dan berakhlaq mulia
- ii- Berilmu yang membolehkan berijtihad
- iii- Selamat pancingadera
- iv- Cukup anggota yang tidak menghalang dari bergerak pantas dan cergas
- v- Mempunyai pandangan yang penuh dalam siasah dan menurunkan masalah
- vi- Berani dan berpengalaman
- vii- Keturunan Quraish

Al-Qadhi Abu Ya'la al-Farra' mensyaratkan: (70)

- i- Keturunan Quraish
 - ii- Mempunyai sifat-sifat menjadi seorang qadhi iaitu merdeka, baligh, berakal, berilmu dan adil
 - iii- Mempunyai kemampuan dalam urusan perang, siasah dan melaksanakan hudud
 - iv- Orang yang paling menonjol dalam agama dan ilmu
- Imam al-Ghazali pula mensyaratkan sepuluh sifat. Enam daripadanya ialah sifat-sifat semulajadi yang tidak dapat diusahakan dengan akal. Manakala empat lagi ialah sifat-sifat yang boleh diusahakan dan diperelokkan. Enam sifat semulajadi itu ialah; baligh, berakal, merdeka, lelaki, keturunan Quraish dan sempurna penilihahan dan pendengaran.

Empat sifat berikutnya pula ialah; najah (sokongan), kifayah (kemampuan), herilmu pengetahuan dan wazak.(71)

Ibn Taimiyah menyimpulkan dengan al-qurrah dan al-amanah sebagai syarat perlantikan khallifah.(72)

Dari keseluruhan syarat-syarat tersebut dapatlah disimpulkan bahawa syarat-syarat itu merangkumi:

- i- Adil,takwa,wazak
- ii- Kamillah (seapurna) muslim, merdeka, lelaki, baligh
- iii- Akal yang kuat
- iv- Kekuatan ilmu
- v- Kemampuan berfikir yang kuat, berani, ada sokongan
- vi- Ketuzunan Quzaiyah
- vii- Amanah

1.7. Cara Pemilihan Khalifah

Rasulullah s.a.w. tidak menentukan pengganti baginda selepas kevafatannya. Baginda meninggalkan urusan itu kepada umat Islam sedang nas-nas al-Quran

tetap mengarahkan supaya semua keputusan hendaklah melalui syura.

Dari sejarah perlantikan khalifah, peraturan memilih khalifah tidak keluar dari tiga cara berikut:

- i- Cara intikhab atau hal'ah (pilihanraya umum)
- ii- Cara istikhlat ditentukan oleh khalifah sebelumnya)(73)
- iii- Rampasan kuasa.

1.8. Proses Perlantikan Khalifah

Para fukaha' telah bersepakat bahwa calon yang hendak dibai'ah sebagai khalifah adalah calon yang dikemukakan oleh Ahli al-Halli wal Aqqi atau Ahli ikhtiar. Kedua-duanya itu adalah badan pengurus perlantikan khalifah.(74)

1.9. Perlucutan Javatan Khalifah

Pemilihan khalifah dijalankan mengikut syarat-syarat yang tertentu, maka ia kekal sebagai khalifah selagi mana dia memenuhi syarat-syarat tersebut.

Apabila Khalifah telah hilang maka syarat yang tertentu maka ia hendaklah meletakkan jawatan, atau umat hendaklah bangun mengatukannya sebagai memenuhi tuntutan hak keadilan.(75)

NOTA KAKI BAR SATU

1. Karis Daman. Kuala Lumpur : Devan Bahasa dan Pustaka. 1984. Hal. 61.
2. K.Ramanathan Kallimatten, Anna Saina Politik. Petaling Jaya : Pajar Bakti. Hal. 41.
3. Ibid. Hal. 42.
4. Al-Maududi. Khalifah Dan Kerajaan. Terj. Mohamed Al-Baqir. Shah Alam : Devan Pustaka Pajar. Hal. 45.
5. Ibid. Hal. 63.
6. Surah As-Sajadah 32:4.
7. Surah Ar-Rum 30:26.
8. Surah Al Imran 3:154.
9. Surah Al-Baqarah 2:107.
10. Surah Al-An'am 6:57.
11. Al-Maududi (1986), op.cit., hal. 61.
12. Surah An-Nahl 16:44.
13. Surah An-Nisa' 4:64.
14. Al-Maududi (1986), op.cit., hal. 63.
15. Surah Al-Baqarah 2:30.
16. Surah Yunus 10:14.
17. K.Ramanathan (1987), op.cit., ha. 77.
18. Ibid.
19. Dr. Mahmood Helmi. NIZAM AL-MUKHLIS AL-LALAMI. Beirut: Dar Al-Fikri Al-Arabi. 1973. Hal. 12.

20. Machiavelli adalah seorang politikus Italy yang menyuarakan arah penyatuan negara-negara Napoli, Florensa, Geneva, Roma dan lain-lain di dalam bahagian Italy yang dikuasai oleh kekuasaan gereja feudal. Beliau menyebut di dalam sebuah buku yang ditulisnya pada tahun 1513M sebagai berbunyi; "Persoalan negara tidak memerlukan peraturan-peraturan akhlak." Pahaman teori ini disebut sebagai Machiavellisme, telah dapat mempengaruhi Eropah lebih satu abad lamanya. Hakim Ali Ali Mansur, (*Islam Dan Perhubungan Antarabangsa*. Diedit oleh Mahmood Zuhdi Hj.Abd. Majid).
21. K.Ramamathan, *Konsed Asas Politik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1988. Hal. 169.
22. Helmi(1973), op.cit.
23. Dr. Mohd. Yusof Musa, *Uznan Al-Hukmi Ell Islam*. Dar Al-Fikri Al-Arabi.
24. Hassan Al-Banna, *Majmu'ah Al-Bara'i*. Dar As-Shahab. Hal. 267.
25. Helmi(1973), op.cit., hal. 14.
26. A.Hasyim, *Di Mana Letaknya Negara Islam?* Surabaya : PT Bina Ilmu. 1984.
27. Dr. Subhi Salleh, *Kollik Van Pentadbiran Dalam Islam*. Terj. Prof. Madya Osman Hajji Khalid. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri, 1985. Hal. 5.
28. Ibid. Hal. 4,5.
29. Surah An-Nisa' 4:58.
30. Surah Shaa' 38:15.
31. Surah Ali Imran 3:159.
32. Mustafa Abu Zaid Fahmi, *Rannu Al-Hukmi Ell Islam*. Maktabah Al-Misriyy Al-Hadis. Hal.225.
33. Subhi Salleh (1985), op.cit., hal. 5.
34. Helmi (1973),op.cit., hal. 9.

35. Al-Banna, op.cit., hal 83.
- Safie Bin Ibrahim, The Islamic Party in Malaysia. Its Formative Stages And Ideology. Kelantan : Penerbit Muavii Ismail. 1981. Hal. 107.
36. Yusof Musa, op.cit., hal 19.
37. Ibid.
38. Ibid.
39. Qasaruddin Khan, Panikiran Politik Ibnu Taimiyah. Terj. Anas Nahyudin. Bandung : Penerbit Pustaka. 1983. Hal. 119.
40. Teokrasi bermaksud negara ketuhanan. Teokrasi yang dipraktikkan di Barat tidak sama seperti mana yang difahami di dalam Islam. Teokrasi Barat memberi kuasa kepada paderi-paderi untuk membuat perundangan. Mereka bertujuan untuk menguasai zakyat dengan pengubahan undang-undang mengikut hawa nafsu.
41. Ruzman Md.Nor, Konsep Negara Islam Menurut Al-Maududi. Latihan Ilimiah, Fakulti Syariah Akademik Islam Universiti Malaya. Sesi 1988/89.
42. Ibid. Hal. 57.
43. Baharudin Che Pa, PAS Dari 1992 Hingga Kini: Satu Tinjaman Khusus Bagi Kawan-an Kota Shahru. Kertas Projek Fakulti Syariah, AIMU, 1987. Hal. 10.
44. Yusof Musa, op.cit., hal. 15.
45. Subhi Salleh (1986), op.cit., hal. 9,10.
46. Ali Abdul Raziq, Al-Islam wa Usulul Hikam. Beirut : Al-Muassasah Al-Arabiah Li Ad-Dirasat wa An-Nasyri. 1972. Hal. 113.
47. Ibid.
48. Ibid.
49. Suzah Az-Zukhruf 43:60.

50. Helmi (1973), op.cit., hal. 33.
51. Al-Nawardi, Al-Ahkam Ar-Sulthoniah. Mesir : Syarikat Maktabah Wa Mutbi'ah Mustafa Al-Babli Wa Auladihhi. 1973. Hal. 5.
52. Nasirudin Abu Said Abdullah Bin Umar Bin Muhammad As-Syakazi Al-Baidhawi. Meninaqal pada tahun 791 Hijrah.
53. Raziq (1972), op.cit., hal. 114.
54. Subhi Salih (1986), op.cit., hal. 11,13,17.
55. Yusof Musa, op.cit., hal. 24.
56. Muhammad Al-Mubarak, An-Siasah Ar-Shariyyah Li-Syaikh Ibn Taimiyah. Beirut : Dar Al-Kitab Al-Arabiyyah. Hal. 112.
57. Said Hawwa, Al-Ilam, Juzuk 2. Katherah : Mektabah Al-Wahbah. 1977. Hal. 137.
58. Qamaruddin Khan (1983), op.cit., hal. 75.
59. Ibid.
60. Mohammad Manzoor Nomani, Khomanji, Revolusi Ikan Dan Agidah Syiah. Terj. Abu Muhammed. Kuala Lumpur : Islamic Publishing House. 1989. Hal. 15,16.
61. Qamaruddin Khan (1983), op.cit., hal. 75,76.
62. Raziq (1972), op.cit., hal. 121.
63. Hawwa (1977), op.cit., hal. 139.
64. Raziq (1972), op.cit.
65. ملایتم الواجب لا به
ظهو واجب
66. Ibid.
67. Ibid.

68. Surah An-Nisa' 4:59.
69. Al-Mawardi (1973), op.cit.
70. Dr. Abdul Ghani Bayuni Abdullan, Nazariyah Al-Daulah [Al Islam]. Beirut : Ad-Dar Al-Jam'iyyah. 1986. Hal. 238.
71. Abu Bakar Hamzah, Al-Imam Al-Ghazali Sebagai Sarjana Sains Politik. Kertas Kerja Seminar Al-Ghazali Dan Sumbangannya, Akademi Islam, Universiti Malaya, 23 - 24 Sept. 1985. Hal 199.
72. Al-Muqarrak, op.cit., hal. 138, 139.
73. Helmi (1973), op.cit., hal. 63.
74. Dr. Mohd. Faruq Nubhan, Nizam Al-Hukmi FI'l Ibtam. Kuwait : Muassasah Ar-Risalah. 1972. Hal. 431.
75. A.Nasjmy (1984), op.cit., hal. 203.-